	~~4.13.6.1 Minta bantuan dan utamakan keselamatan diri.~~ ~~4.13.6.2 Arahkan semua penghuni unit kerja berhenti menjalankan aktiviti dan keluar dengan kadar segera.~~ ~~4.13.6.3 Laporkan kepada pasukan tindakan kecemasan ERT-PTJ.~~ ~~4.13.6.4 Hubungi talian kecemasan UPM (APSeC/ PKU/ PPKKP).~~ ~~4.13.6.5 Laksanakan tindakan jika terlatih dan keadaan mampu dikawal.~~ ~~4.13.6.6 Aktifkan protokol pelan pengurusan bencana PTJ (DMP-PTJ) jika keadaan tidak terkawal.~~ ~~4.13.6.7 Pastikan semua individu dan data berkaitan tersedia apabila pihak bertindak tiba.~~ ~~4.13.6.8 Pekerja bertanggungjawab terhadap unit kerja/ruang.~~ ~~4.13.6.8.1 Laporan panggilan baris.~~ ~~4.13.6.8.2 Jenis dan ringkasan kejadian~~ ~~4.13.6.8.3 Senarai SDS bahan kimia berbahaya di dalam unit kerja/ruang.~~ ~~4.13.7 Laporkan kepada PPKKP secepat mungkin dengan merujuk prosedur berikut:~~ ~~Rujuk: **Prosedur Notifikasi Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Penyakit Pekerjaan dan Keracunan Pekerjaan (UPM/SOK/OSH/P004).**~~ ~~Rujuk: **Prosedur Aduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UPM/SOK/OSH/P005).**~~ ~~4.13.8 Tindakan bantuan awal pertolongan cemas (First Aid) untuk tumpahan bahan kimia:~~ ~~4.13.8.1 Tenangkan diri~~ ~~4.13.8.2 Sekiranya terkena kulit atau mata, pastikan mangsa di bawa ke *eyewash station/emergency shower* dengan seberapa~~	

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	segera. 4.13.8.3 Pastikan anggota badan yang terkena bahan kimia dibilas dengan air mengalir secara berterusan, sekurang-kurangnya 15 minit bagi mengurangkan tahap kecederaan. 4.13.8.4 Jangan gunakan apa-apa krim, atau sebarang losyen. 4.13.8.5 Dapatkan rawatan perubatan dengan segera di fasiliti kesihatan yang terdekat.	
4.14	**PENYIMPANAN DAN PENYELENGGARAN REKOD** 4.14.1 Pihak PTJ perlu memastikan tempoh penyimpanan rekod ini dipatuhi seperti berikut;	PYB

Bil.	Jenis Rekod	Tempoh Penyimpanan
4.14.1.1	Penaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan (CHRA)	30 tahun
4.14.1.2	Rekod rekabentuk dan pembinaan peralatan kawalan kejuruteraan / pengalih udaraan setempat.	Sepanjang tempoh penggunaan alat tersebut
4.14.1.3	Rekod pengukuran sistem kawalan pencemaran udara dan Rekod pemeriksaan/ pengukuran sistem kawalan dedahan bukan kimia (habuk/haba).	Sepanjang tempoh penggunaan alat tersebut
4.14.1.4	Surat kelulusan pemasangan cerobong dan sistem kawalan pencemaran udara dari Jabatan Alam Sekitar (bagi LEV/kebuk wasap)	Sepanjang tempoh penggunaan alat tersebut
4.14.1.5	Rekod pemeriksaan bulanan peralatan kawalan kejuruteraan / pengalih udaraan setempat.	5 tahun

BIL	TINDAKAN			TANGGUNGJAWAB
		(SOK/OSH/SS04/PKW)		
	4.14.1.6	Rekod penyelenggaraan dan baik pulih peralatan kawalan kejuruteraan / pengalih udaraan setempat.	5 tahun	
	4.14.1.7	Laporan pengujian peralatan kawalan kejuruteraan / pengalih udaraan setempat oleh Juruteknik Higien II.	5 tahun	
	4.14.1.8	Rekod pemantauan pendedahan kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan oleh Juruteknik Higien I	5 tahun	
	4.14.1.9	Rekod pemantauan kesihatan *(medical surveillance)* oleh OHD (sekiranya ada)	30 tahun	
	4.14.1.10	Rekod pemeriksaan semua kelengkapan berkaitan pelan kecemasan.	5 tahun	
	4.14.1.11	Rekod serahan bekalan kelengkapan pelindungan diri (KPD) kepada staf	5 tahun	
	4.14.1.12	Daftar bahan kimia	Rekod terkini	
4.15	**PELUPUSAN SISA BAHAN KIMIA** 4.15.1 Semua pelupusan sisa bahan kimia perlu mengikut keperluan perundangan berkaitan. 4.15.2 **DILARANG** membuang sisa bahan kimia ke dalam sinki/saliran/tong sampah atau dibuang ke alam sekitar tanpa melalui proses pelupusan mengikut perundangan. 4.15.3 Pengguna tidak dibenarkan mencampur atau mengumpul			Pengurus/ Penyelia Unit Kerja/ Pegawai Stor/ PYB

~~BIL~~	~~TINDAKAN~~	~~TANGGUNGJAWAB~~
	~~sisa-sisa kimia yang tidak serasi di dalam satu bekas yang sama dan disimpan di dalam bilik stor pelupusan.~~ ~~Rujuk: **Prosedur Pengurusan dan Pelupusan Sisa Terjadual (UPM/SOK/OSH/P001).**~~	

~~Lampiran 1 : Piktogram pracetak lebihan~~

Dibenarkan	Tidak dibenarkan
 Piktogram lebihan dilitupi keseluruhannya dengan warna yang sama dengan latar belakang	 Piktogram lebihan dibiarkan kosong.
 Piktogram lebihan dilitupi supaya bentuk berlian tidak lagi kelihatan	 Piktogram lebihan ditandai dengan "Tiada Piktogram GHS"
	 Piktogram lebihan dilorek dengan dakwat hitam
	 Piktogram lebihan dihitamkan tetapi masih mengekalkan bentuk berlian

~~**Lampiran 2 : Jadual keserasian bagi penyimpanan bahan kimia.**~~

		~~Pengoksidaan~~	~~Mudah Terbakar~~	~~Menghakis : Asid~~	~~Menghakis : Bes~~	~~Toksik~~
~~Pengoksidaan~~						
~~Mudah Terbakar~~						
~~Menghakis : Asid~~						
~~Menghakis : Bes~~						
~~Toksik~~						

~~**Hijau = Keserasian, Merah = Ketidakserasian , Kuning= Rujuk SDS Seksyen 7 dan 10 untuk penyimpanan**~~

~~Lampiran 3 : Pelabelan untuk bahan kimia digunakan dia ruang unit kerja kimia~~

Nama Bahan Kimia :
Tarikh Disediakan: *(ddmmyyyy)* / **Nama Pengguna:**
Tarikh Luput: *(ddmmyyyy)* / **Catatan:**

~~Contoh:~~

Nama Bahan Kimia :	**0.1M Hydrochloric Acid**
Tarikh Disediakan: *(ddmmyyyy)* **24122024**	**Nama Pengguna:** **Khairun 'Aqilah**
Tarikh Luput: *(ddmmyyyy)* **24032025**	**Catatan:** **Tiada**

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini menetapkan prinsip dan kaedah pengurusan keselamatan bahan kimia di Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi memastikan pematuhan terhadap perundangan, perlindungan kesihatan manusia, dan pemeliharaan alam sekitar.

Pemahaman dan penilaian risiko bahan kimia adalah keperluan asas yang mesti diambil kira dalam semua peringkat pengurusan bahan kimia, termasuk:

1. **Perolehan dan Penerimaan** – Penilaian keperluan, pemilihan bahan kimia yang sesuai, serta pematuhan kepada perundangan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan berkaitan bahan kimia di tempat kerja.
2. **Penyimpanan dan Inventori** – Pengurusan stok yang sistematik, pengelasan dan pelabelan mengikut bahaya, serta penyimpanan yang mematuhi keperluan keselamatan.
3. **Pengendalian dan Penggunaan** – Pelaksanaan amalan kerja selamat, penggunaan peralatan perlindungan diri (KPD), dan penyediaan langkah kecemasan.
4. **Pelupusan dan Pengurusan Sisa** – Dengan merujuk kepada Prosedur Pengurusan dan Pelupusan Sisa Terjadual (UPM/SOK/OSH/P001).

Semua pekerja, penyelidik, dan pelajar yang terlibat dalam pengendalian bahan kimia di UPM adalah tertakluk di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) dan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127), serta mana-mana peraturan berkaitan yang berkuat kuasa.

Kepatuhan kepada garis panduan ini adalah penting bagi memastikan keselamatan individu, perlindungan persekitaran, dan kelangsungan operasi yang bertanggungjawab.

2.0 TERMINOLOGI DAN SINGKATAN

APSeC	:	Pusat Polis Bantuan dan Keselamatan Universiti
Bahan kimia	:	Unsur kimia, sebatian atau campuran daripadanya, sama ada asli atau tiruan tetapi tidak termasuk mikroorganisma
Bahan kimia berbahaya kepada kesihatan (BKBKK)	:	Merujuk kepada apa-apa bahan yang dikategorikan sebagai bahan kimia termasuklah bahan radioaktif, racun (*poisons*), racun makhluk perosak (*pesticides*)
BPMU	:	Bahagian Pengurusan Makmal Universiti
CHRA	:	Penaksiran Risiko Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan (*Chemical Health Risk Assessment*)
CO_2	:	*Carbon Dioxide*
DMP	:	*Disaster Management Plan* (Pelan Pengurusan Bencana)
ERT	:	*Emergency Response Team* (Pasukan Tindakan Kecemasan)
H_2	:	*Hydrogen*
JKKPM	:	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia
KKP	:	Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
KPD	:	Kelengkapan Pelindung Diri
LPG	:	*Liquefied Petroleum Gas*
Orang Yang Kompeten (OYK)	:	Seseorang yang dilantik oleh Ketua PTJ bagi menjalankan kerja-kerja pemantauan dan pengawasan di unit kerja berdasarkan kepada pengetahuan, kemahiran dan pengalaman.
Pegawai Bertanggungjawab (PYB)	:	Pegawai Bertanggungjawab yang terdiri daripada Pegawai Penyelidik, Pembantu Makmal, Penolong Pegawai Sains, Pegawai Sains, Juruteknologi Makmal Perubatan, Penolong Pegawai Veterinar, Pembantu Veterinar, Pembantu Pertanian, Juruteknik, Penolong Jurutera dan semua yang terlibat dalam mengendalikan unit kerja masing-masing yang berkenaan.
Pegawai Stor	:	Mana-mana pegawai UPM yang dilantik oleh Ketua PTJ sebagai pegawai stor bahan kimia selaras keperluan Pekeliling Perbendaharaan AM6 iaitu Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan
Pengurus/Penyelia Unit Kerja	:	Terdiri daripada Pegawai Sains, Pegawai Veterinar, Pegawai Pertanian dan Pegawai Penyelidik
PGH	:	Pengarah PPKKP

PKU	:	Pusat Kesihatan Universiti
PPKKP	:	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
PPPA	:	Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset
PTJ	:	Pusat Tanggungjawab (Fakulti/Institut/Pusat/Akademi/Sekolah)
Racun/*Poisons*	:	Apa-apa bahan yang dinyatakan dalam lajur pertama Senarai Racun dan termasuk sebarang penyediaan larutan, sebatian, campuran atau bahan semula jadi yang mengandungi bahan tersebut selain daripada penyediaan yang dikecualikan atau mana-mana artikel atau penyediaan yang termasuk dalam Jadual Kedua dari semasa ke semasa dalam Akta Racun 1952 dan Peraturan-peraturannya
Racun Makhluk Perosak/*Pesticides*	:	Apa-apa bahan yang mengandungi kandungan aktif atau apa-apa penyediaan, campuran atau bahan yang mengandungi satu atau lebih kandungan aktif sebagai salah satu juzuk tetapi tidak termasuk makanan tercemar atau bahan yang disenaraikan dalam Jadual II (Seksyen 2) Akta Racun Makhluk Perosak 1974.
SDS	:	*Safety Data Sheet* / Helaian Data Keselamatan
SIRIM	:	*Standards and Industrial Research Institute of Malaysia*
Sisa Terjadual	:	apa-apa buangan yang termasuk di dalam kategori buangan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005
Sistem e-Stok Kimia	:	Sistem yang telah dibangunkan untuk kawalan stok bagi bekalan bahan kimia dan racun makhluk perosak selaras keperluan Pekeliling Perbendaharaan AM6 iaitu Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan
Tempat Penyimpanan	:	Bilik penstoran / ruang penyimpanan khas / kabinet berkunci yang dibenarkan, selamat dan berasingan dari meja kerja (*working table*)
TNCPI	:	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
UBBL	:	Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (*Uniform Building By Law 1984)*
Unit kerja kimia	:	Tempat menjalankan penyelidikan atau pengajaran yang mempunyai struktur bangunan tetap (tidak termasuk kerja lapangan dan struktur binaan sementara)
UPM	:	Universiti Putra Malaysia

3.0 DOKUMEN RUJUKAN

Kod Dokumen	Tajuk Dokumen
-	Templat Borang Daftar Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan
-	Nota Panduan Pengisian Daftar Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan
-	Panduan Keselamatan Penggunaan Cecair Kriogenik
-	Panduan Keselamatan Penggunaan Kebuk Wasap
-	Panduan Keselamatan Penggunaan Radas Kaca
-	Panduan Menggunakan Kelengkapan Perlindungan Diri
-	Panduan Keselamatan Penggunaan Silinder Gas Termampat
-	Panduan Keselamatan Pengendalian LPG
-	Panduan Alat Api Mudah Alih
-	Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Universiti Putra Malaysia
-	Manual Pelan Pengurusan Bencana Universiti Putra Malaysia
-	Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2005: Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan
-	Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pengelasan, Pelabelan dan Helaian Data Keselamatan Bahan Kimia Berbahaya) 2013.
-	Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan
SOK/LAT/BR02/LATIHAN 06	Borang Maklumat *On-The-Job Training* / Pembelajaran Kendiri
SOK/OSH/SS04/PKW	Senarai Semak Pemeriksaan Bulanan Kebuk Wasap
UPM/SOK/OSH/P001	Prosedur Pengurusan dan Pelupusan Sisa Terjadual
UPM/SOK/OSH/P004	Prosedur Notifikasi Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Penyakit Pekerjaan Dan Keracunan Pekerjaan
UPM/SOK/OSH/P005	Prosedur Aduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

4.0 PANDUAN

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
4.1	**PEROLEHAN BAHAN KIMIA BERBAHAYA KEPADA KESIHATAN** 4.1.1 Perolehan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan (BKBKK) perlu mematuhi keperluan perundangan seperti dinyatakan dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturan-peraturan di bawahnya. Secara khususnya, terdapat beberapa peraturan berkaitan bahan kimia terpakai di UPM iaitu: i) Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan) 2000 (Peraturan USECHH) ii) Peraturan-peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pengelasan, Pelabelan dan Helaian Data Keselamatan Bahan Kimia Berbahaya) 2013 (Peraturan CLASS) iii) Akta Racun Makhluk Perosak 1974 iv) Akta Racun 1952 dan Peraturan-peraturannya v) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974: Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 vi) Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 dan Peraturan-peraturannya 4.1.2 Pastikan keperluan seperti yang terkandung di dalam Garis Panduan ini disampaikan dengan jelas dan terperinci kepada pembekal BKBKK dalam spesifikasi semasa proses perolehan. 4.1.3 Rujuk kepada tatacara yang dikeluarkan oleh BPMU bagi tatacara terperinci perolehan bahan kimia. NOTA: Pembantu Penyelidik (RA) dan pelajar **TIDAK** dibenarkan sama sekali memperoleh bahan kimia secara persendirian bagi sebarang penyimpanan atau kegunaan di UPM sama ada untuk tujuan pengajaran, penyelidikan	Semua

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	atau perkhidmatan.	
4.2	**PENERIMAAN BAHAN KIMIA BERBAHAYA KEPADA KESIHATAN** Keadaan Fizikal 4.2.1 Periksa dan pastikan BKBKK yang diterima adalah sama dengan spesifikasi dalam pesanan belian termasuklah dari segi keadaan fizikal berikut: i) sempurna dari segi pembungkusan; dan ii) mekanisme pengedap (*seal*), sekiranya ada, tidak terkoyak, tercabut, atau tertanggal; dan iii) penutup bekas bahan kimia, sekiranya dibuka, boleh digunakan (dibuka dan ditutup) semula berulang kali; dan iv) pelabelan adalah jelas dan memenuhi keperluan perundangan; dan v) fizikal luaran bekas BKBKK tersebut adalah sempurna, tidak kemek, berlubang, berubah warna, berkarat atau apa-apa kerosakan yang boleh menjejaskan integriti bekas tersebut. Mana-mana BKBKK yang tidak tidak sempurna pembungkusan seperti dinyatakan di atas perlu **DITOLAK**. *Safety Data Sheet* (SDS) / Helaian Data Keselamatan 4.2.2 Semak dan pastikan semua BKBKK diterima bersama SDS yang memenuhi kriteria berikut: i) SDS adalah khusus bagi setiap BKBKK yang diterima ii) Tarikh versi atau semakan SDS adalah terkini iaitu dalam tempoh lima (5) tahun daripada semakan terakhir oleh pihak pengeluar bahan kimia iii) Di dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris bagi kesemua maklumat yang disertakan (bermula tahun perolehan 2025). iv) Mempunyai maklumat yang secukupnya dalam 16 bahagian seperti berikut:	Pengurus / Penyelia Unit Kerja / Pegawai Stor / PYB

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	Bahagian 1: Pengenalan bahan kimia berbahaya dan pembekal; Bahagian 2: Pengenalan bahaya; Bahagian 3: Komposisi dan maklumat mengenai ramuan bahan kimia berbahaya; Bahagian 4: Langkah-langkah pertolongan cemas; Bahagian 5: Langkah-langkah pemadaman kebakaran; Bahagian 6: Langkah-langkah pelepasan tidak sengaja; Bahagian 7: Pengendalian dan penyimpanan; Bahagian 8: Kawalan pendedahan dan perlindungan diri; Bahagian 9: Sifat fizikal dan kimia; Bahagian 10: Kestabilan dan Kereaktifan Bahagian 11: Maklumat toksikologi; Bahagian 12: Maklumat ekologi; Bahagian 13: Maklumat pelupusan; Bahagian 14: Maklumat pengangkutan; Bahagian 15: Maklumat pengawalseliaan; dan Bahagian 16: Maklumat lain. Mana-mana BKBKK yang tidak memenuhi keperluan maklumat SDS seperti dinyatakan di atas perlu **DITOLAK**. 4.2.3 Sediakan ruangan khas untuk menyimpan SDS di kawasan berhampiran dengan BKBKK yang disimpan atau digunakan/ dikendalikan dan mudah dicapai untuk rujukan sekiranya berlaku kemalangan. SDS juga seharusnya disimpan sesalinan di dalam fail di pejabat. Pelabelan Bahan Kimia 4.2.4 Semak dan pastikan setiap BKBKK mempunyai label yang jelas dan tidak boleh dipadam (tidak pudar atau mudah pudar) dengan mengandungi maklumat berikut: i) pengecam produk; ii) pengenalan pembekal; iii) kata isyarat;	

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB

iv) pernyataan bahaya;

v) piktogram bahaya; dan

vi) pernyataan berjaga-jaga.

Rujuk Gambar rajah 1 bagi contoh label yang mengandungi maklumat seperti dinyatakan di atas.



Rajah 1: Contoh Pelabelan di bekas yang mengandungi BKBKK

Bagi bungkusan BKBKK yang terkandung di dalam bekas bersaiz 125ml dan ke bawah, bungkusan tersebut tetap memerlukan label yang jelas dan tidak boleh dipadam (tidak pudar atau mudah pudar) dengan mengandungi maklumat berikut:

i) pengecam produk;

ii) pengenalan pembekal;

iii) kata isyarat;

iv) pernyataan bahaya;

v) Piktogram bahaya; jika berkenaan; dan

vi) suatu pernyataan yang dibaca:

"BACA HELAIAN DATA KESELAMATAN SEBELUM DIGUNAKAN"

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	Rujuk Gambar rajah 2 bagi contoh label yang mengandungi maklumat seperti dinyatakan di atas.  **Gambar rajah 2: Contoh Pelabelan di bekas yang mengandungi BKBKK bagi bekas 125ml atau kurang** **Daftar e-Stok Kimia** 4.2.5 Daftar semua BKBKK (stok) yang diterima ke dalam **sistem e-Stok Kimia** dengan merujuk Tatacara Pengurusan Stor.	
4.3	**DAFTAR BAHAN KIMIA BERBAHAYA KEPADA KESIHATAN** 4.3.1 Senaraikan semua unit kerja yang menyimpan dan menggunakan/mengendalikan/memproses BKBKK. 4.3.2 Kenalpasti dan senaraikan bagi setiap unit kerja sama ada untuk tujuan pengajaran, penyelidikan atau perkhidmatan. 4.3.3 Kenalpasti dan senaraikan semua pekerja yang terlibat dalam menyimpan/menggunakan/mengendalikan/memproses BKBKK dan nyatakan bilangan mengikut jantina. 4.3.4 Kenalpasti dan senaraikan semua BKBKK yang disimpan/ digunakan/dikendalikan/diproses di setiap unit kerja yang	Pengurus / Penyelia Unit Kerja / Pegawai Stor / PYB

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	disenaraikan di 4.3.1. 4.3.5 Isi Daftar Bahan Kimia BKBKK dengan mengguna templat borang daftar BKBKK yang disediakan (boleh dimuat turun) di laman web rasmi PPKKP berdasarkan maklumat yang telah diperoleh di 4.3.1, 4.3.2, 4.3.3, 4.3.4, SDS, dan lain-lain sumber berkaitan. 4.3.6 Semak semula Daftar BKBKK dan pastikan terdapat maklumat berikut: i) Senarai semua BKBKK yang diproses, dihasilkan atau disimpan; ii) Helaian data keselamatan (SDS) semasa untuk setiap BKBKK; iii) Kuantiti (secara purata) yang diproses, dihasilkan atau disimpan dalam tempoh sebulan atau setahun mengikut mana yang berkenaan bagi setiap BKBKK; iv) Proses dan kawasan kerja di mana BKBKK diproses, dihasilkan atau disimpan; v) Bentuk fizikal BKBKK yang diproses, dihasilkan atau disimpan; vi) Klasifikasi BKBKK yang diproses, dihasilkan atau disimpan; dan vii) Nama dan alamat pembekal setiap BKBKK. 4.3.7 Kemaskini Daftar BKBKK dari semasa ke semasa dan pastikan daftar tersebut dalam keadaan teratur dan sedia diakses pada bila-bila masa. 4.3.8 Hantar Daftar BKBKK kepada PPKKP sebelum atau pada 31 Mac setiap tahun. NOTA: Rujuk **Nota Panduan Pengisian Daftar Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan.**	
4.4	**PENYEDIAAN FASILITI, KELENGKAPAN DAN KEPERLUAN KESELAMATAN DI UNIT KERJA DAN STOR BKBKK** Fasiliti, Kelengkapan dan Keperluan Keselamatan Umum 4.4.1 Semak dan pastikan fasiliti, kelengkapan dan keperluan keselamatan bagi setiap unit kerja yang menggunakan BKBKK disediakan dan/atau	Pengurus / Penyelia Unit Kerja / Pegawai Stor / PYB

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	berfungsi bagi memastikan risiko bagi kerja rutin dan bukan rutin atau kecemasan adalah pada tahap minima terhadap pengguna unit kerja seperti berikut: i) Sinki (atau punca air yang bersesuaian) ii) *Safety Shower* iii) *Eye wash station* iv) Ruang penyimpanan Kelengkapan Pelindungan Diri v) Ruang penyimpanan radas kaca vi) Ruang penyimpanan BKBKK vii) Ruang penyimpanan sisa kimia viii) Sistem LEV/ kebuk wasap ix) *Chemical carrier* atau troli disediakan x) Alat pemadam api mudah alih xi) *First aid* kit xii) *Fire blanket* xiii) Pelan laluan kecemasan xiv) Tanda 'KELUAR' xv) *Spill kit* xvi) *Secondary containment* atau *spill bund* disediakan xvii) *Safe Work Procedure* (SWP) untuk setiap eksperimen / aktiviti xviii) Helaian Data Keselamatan (SDS) untuk semua BKBKK yang digunakan dalam unit kerja. xix) Bekas sisa kimia yang sesuai dan berlabel xx) Alat Pengesan Kebakaran (bergantung kepada jenis bangunan dan fungsi seperti yang di peruntukan oleh UBBL 1984 atau Akta Perkhidmatan Bomba (*Fire Certificate*) 1988 Tanda Amaran 4.4.2 Sediakan, tampal dan pastikan tanda amaran terdapat di semua laluan masuk (pintu) stor/unit kerja kimia, almari, kabinet yang menyimpan dan menggunakan/mengendalikan BKBKK dengan spesifikasi seperti berikut:	

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	4.12.4 Kedudukan tanda amaran di tempat yang mudah dilihat 4.12.5 Ditulis / dicetak dengan menggunakan tulisan merah tua berlatar belakang putih. 4.12.6 Mempunyai pernyataan amaran bahaya 4.12.7 Disediakan dalam dwi bahasa; Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris Rujuk Gambar rajah 3 dan 4 untuk contoh tanda amaran tersebut. **Gambar rajah 3: Tanda Amaran BKBKK yang digunakan/disimpan**	

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	 Gambar rajah 4: Tanda Amaran BKBKK yang digunakan/disimpan sementara	
4.5	**PENYIMPANAN DAN STOR BKBKK** Penyimpanan Bahan Kimia (Stok) di Stor Kimia 4.5.1 Pastikan hanya orang yang diberi kuasa boleh mengakses stor bahan kimia dengan mengadakan kawalan kemasukan dan had akses. Pelajar **DILARANG** sama sekali diberi kebenaran masuk atau mengakses stor yang menyimpan bahan kimia. 4.5.2 Sediakan sesalinan Daftar BKBKK dan SDS di tempat yang mudah dilihat, berdekatan dengan setiap lokasi di mana bahan kimia itu dikendalikan, dan mudah diakses oleh pekerja. 4.5.3 Label tanda amaran bahaya dengan menggunakan piktogram – *Globally Harmonised System (GHS)* di setiap lokasi khusus bersesuaian dengan bahan kimia disimpan merujuk kepada Gambar rajah 5. Ambil perhatian berkenaan carta keutamaan pelabelan bagi bahan kimia yang mempunyai pelbagai piktogram. 4.5.4 Simpan bahan kimia mengikut tatacara dan arahan yang dinyatakan dalam SDS (Bahagian 7 dan 10), mengikut jadual keserasian kimia (di Gambar rajah 6) dan prinsip umum seperti	Pengurus / Penyelia Unit Kerja / Pegawai Stor / PYB

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB

berikut:

i) Pastikan bilik penstoran bahan kimia perlu mempunyai sistem pengudaraan yang baik.

ii) Hadkan kuantiti produk: Simpan hanya jumlah bahan kimia yang diperlukan untuk aktiviti.

iii) Jangan susun mengikut susunan abjad: penyimpanan mengikut abjad boleh menyebabkan bahan kimia yang tidak serasi disimpan berdekatan, meningkatkan risiko reaksi berbahaya.

iv) Asingkan bahan kimia cecair daripada pepejal.

v) Gunakan dulang penampan untuk cecair. Dulang penampan harus mampu menampung 120% daripada isipadu bekas terbesar yang disimpan di dalamnya bagi mengelakkan tumpahan dan pencemaran silang.

Bahaya berdasarkan sifat fizikal					
	Mudah meletup *Explosive*	Mudah terbakar *Flammable*	Menghakis *Corrosive*	Pengoksidaan *Oxidizing*	Gas Termampat *Compressed gas*
Bahaya berdasarkan kesihatan					
	Menghakis *Corrosive*	Karsinogen / Kesan Kesihatan *Carcinogen / Health Hazard*	Berbahaya *Harmful* (Merengsa / *Irritant*)	Toksik *Toxic*	
Bahaya kepada alam sekitar					
	Bahaya kepada persekitaran *Environmental Hazard*				

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB



Sekiranya terdapat pelbagai piktogram bahaya, susunan berikut harus dipertimbangkan.

Gambar rajah 5: Tanda amaran bahaya yang sesuai dengan bahan yang disimpan di lokasi tersebut.



Contoh: Asid asetik dan trietilamina kedua-duanya mudah terbakar, tetapi tidak boleh disimpan bersama kerana satu adalah asid dan satu lagi adalah bes.

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB





Gambar rajah 6: Jadual keserasian bagi penyimpanan bahan kimia.

vi) Elakkan penyimpanan bahan kimia cecair di atas paras mata (di rak penyimpanan) jika boleh bagi mengurangkan risiko tumpahan dan pendedahan kepada mata sekiranya berlaku kebocoran/kemalangan.

vii) Pastikan bekas bahan kimia dalam kedudukan tegak dan tidak bertindan bagi mengelakkan kebocoran atau kerosakan kepada bekas akibat tekanan.

viii) Hindari pendedahan terus kepada cahaya matahari dan haba dan pastikan tempat menyimpan bahan kimia mempunyai pengudaraan yang mencukupi bagi menjaga kestabilan bahan kimia, terutama bahan yang mudah meruap atau terurai dengan haba.

ix) Simpan bahan mudah terbakar yang perlu disejukkan di dalam peti sejuk atau peti sejuk beku bersijil EX yang direka khas untuk bahan mudah terbakar.

x) Pisahkan secara fizikal bahan kimia yang tidak serasi:

a. Asid dan bes mesti disimpan secara berasingan untuk mengelakkan tindak balas berbahaya.

b. Bahan mudah terbakar dan pengoksida tidak boleh disimpan bersama untuk mengelakkan kebakaran atau letupan.

c. Simpan bahan kimia yang mempunyai sifat mudah terbakar dan mengakis di dalam kabinet khusus masing-masing – secara berasingan.

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	xi) Dilarang menyimpan bahan kimia dalam bilik sejuk: Bilik sejuk tidak mempunyai pengudaraan yang mencukupi, boleh menyebabkan pengumpulan gas berbahaya. xii) Peti sejuk yang digunakan untuk menyimpan bahan kimia tidak boleh sama sekali digunakan bersama dengan bahan lain walaupun bagi tujuan kegunaan unit kerja kimia. xiii) Kembalikan bahan kimia ke lokasi penyimpanan selepas digunakan. xiv) Semua silinder gas termampat yang disimpan dalam stor perlu diletakkan secara menegak dan dirantai. xv) Amalkan konsep FIFO iaitu "*first in, first out*" untuk memastikan bahan kimia tidak luput tarikh tempoh penggunaannya. NOTA: i) Dilarang menggunakan stor bahan kimia sebagai bilik persediaan atau pembungkusan semula bahan kimia. ii) Sekiranya bekas sekunder digunakan untuk menyimpan bahan kimia (dipindahkan dari bekas asal), pastikan bekas sekunder juga dilabel berdasarkan label di bekas asal – Peraturan CLASS 2013. Rujuk Perkara 4.7.7 untuk tatacara pelabelan semula. iii) Dilarang menyimpan bahan kimia di tempat seperti atas meja kerja/amali (*bench top*), dalam kebuk wasap, dalam kabinet laminar, bawah sinki, atas lantai, di kawasan laluan atau peti sejuk (bagi bahan mudah terbakar). iv) Sediakan bekas untuk mengisi bahan kimia yang mungkin tertumpah atau bocor di dalam stor kimia. Laluan, Fasiliti dan Kelengkapan Stor Kimia 4.5.5 Semak/Kaji (semula) sekurang-kurangnya sekali setahun untuk memastikan stor bahan kimia yang dicadangkan/ditetapkan adalah di lokasi yang berikut: i) mudah diakses oleh kenderaan (tiada halangan), samada untuk tujuan penghantaran stok/bekalan bahan kimia baharu atau untuk sebarang tindakan kecemasan;	

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	ii) berdekatan dengan unit kerja kimia untuk mengurangkan risiko tumpahan/kemalangan semasa penghantaran/ pengagihan bahan kimia. 4.5.6 Semak/Kaji (semula) sekurang-kurangnya sekali setahun untuk memastikan stor bahan kimia dilengkapi dengan keperluan bersesuaian dengan hazard bahan kimia dengan merujuk kepada senarai di Perkara 4.4.1 dan sistem komunikasi khusus (termasuk maklumat nombor telefon PYB dan talian kecemasan) yang berfungsi semasa kecemasan. 4.5.7 Periksa fasiliti (utiliti) keselamatan stor bahan kimia, seperti pendawaian elektrik, sistem pengudaraan dan lain-lain secara berkala atau sekurang-kurangnya sekali setahun oleh orang yang kompeten (OYK) atau terlatih (OYT). Pergerakan Bahan Kimia (Stok) 4.5.8 Rekod setiap pengeluaran bahan kimia (stok) ke dalam **sistem e-Stok Kimia** dan laksana proses verifikasi merujuk kepada Tatacara Pengurusan Stor. Penyimpanan sementara di ruang unit kerja kimia 4.5.9 Pastikan tanda amaran khusus (dengan merujuk kepada Gambar rajah 4) juga ditampal di ruang unit kerja kimia yang menyimpan bahan kimia. 4.5.10 Simpan bahan kimia dalam bekas asal jika boleh bagi mengurangkan risiko pencemaran, kehilangan label keselamatan, atau penyalahgunaan bahan. Pengemasan dan Pemeriksaan Berkala Stor Kimia 4.5.11 Sediakan jadual pengemasan (*housekeeping*) dan laksanakan pengemasan secara berkala bagi memastikan susun atur dan kekemasan ruang dan stor bahan kimia. Pengemasan yang baik dapat mengurangkan risiko di unit kerja terutamanya kepada kesihatan iaitu dengan prinsip atau kaedah berikut;	

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	4.8.39.1 Habuk pada meja kerja dan lantai perlu dibersihkan dengan menggunakan pembersih hampagas bukan dengan peniup udara bertekanan (*blower*) atau penyapu. 4.8.39.2 Uruskan cecair yang tumpah dengan betul (didepositkan pada bekas kedap udara) dan diasingkan setiap hari di kawasan kerja. 4.8.39.3 Bahan kimia yang disimpan dalam bekas rosak atau bocor perlu dipindahkan kepada bekas yang baik dan bekas yang rosak dilupuskan. 4.5.12 Setiap stor kimia perlu menjalankan pemeriksaan kendiri keselamatan dan kebersihan stor sekurang-kurangnya setahun sekali. Periksa stok bahan kimia secara berkala dengan tujuan berikut: i) Pastikan tiada sebarang kebocoran atau tumpahan bahan kimia, pengudaraan atau pendedahan kepada cahaya matahari atau suhu berdasarkan arahan penyimpanan SDS. ii) Kenalpasti bahan yang sudah tamat tempoh, rosak, atau menunjukkan tanda degradasi seperti perubahan warna, pemendakan, atau pembentukan gas. 4.5.13 Buang bahan kimia yang tamat tempoh atau yang tidak lagi diperlukan dengan kaedah pelupusan yang sesuai berdasarkan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Rujuk: **Prosedur Pengurusan dan Pelupusan Sisa Terjadual (UPM/SOK/OSH/P001)**	
4.6	**PENAKSIRAN RISIKO BAHAN KIMIA BERBAHAYA KEPADA KESIHATAN** 4.6.1 Laksana CHRA untuk semua pengendalian dan penggunaan BKBKK (termasuk pengeluaran, pemprosesan, pengendalian, penyimpanan, pengangkutan, pelupusan, dan perawatan) di semua unit kerja. NOTA:	Ketua PTJ / Pengurus / Penyelia Unit Kerja

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	i) Peraturan 9 USECHH, 2000 mewajibkan pelaksanaan CHRA bagi semua proses dan unit kerja yang mendedahkan atau berkebarangkalian mendedahkan pekerja kepada BKBKK sebelum sebarang pengendalian/penggunaan BKBKK. ii) CHRA perlu dijalankan oleh Pengapit yang berdaftar dengan JKKP Malaysia. iii) Pihak PTJ bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan terhadap keperluan perundangan ini sebelum sebarang aktiviti yang melibatkan BKBKK dijalankan di PTJ. 4.6.2 Laksana semua cadangan penambahbaikan yang dinyatakan dalam laporan CHRA. NOTA: i) Cadangan penambahbaikan yang dikemukakan oleh Pengapit adalah wajib untuk dilaksanakan selepas penerimaan laporan CHRA (ditandatangani oleh pihak UPM – PTJ). ii) Oleh yang demikian, adalah penting untuk pihak PTJ memahami keperluan setiap cadangan penambahbaikan semasa sesi pembentangan (sebelum menandatangani penerimaan laporan tersebut). iii) Sekiranya pihak PTJ tidak bersetuju dengan cadangan penambahbaikan oleh Pengapit semasa sesi pembentangan atas dasar teknikal atau pertimbangan kos manfaat, pastikan perkara tersebut dibincangkan dengan Pengapit (sebelum menandatangani penerimaan laporan tersebut) untuk cadangan atau kaedah kawalan alternatif. iv) Pihak PTJ dinasihatkan untuk melibatkan PPKKP semasa sesi pembentangan laporan CHRA oleh Pengapit kepada pihak PTJ. 4.6.3 Semak/Kaji semula CHRA secara berkala untuk memastikan cadangan penambahbaikan tersebut kekal relevan terutamanya sekiranya: i) terdapat perubahan ketara dalam proses kerja di unit kerja berhubung dengan penaksiran yang telah dilaksanakan, atau ii) setiap 5 tahun sekali, atau	

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	iii) diarahkan oleh pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.	
4.7	**PENGGUNAAN DAN PENGENDALIAN BAHAN KIMIA** Maklumat, Arahan dan Latihan 4.7.1 Pastikan semua pekerja yang mengendali / menggunakan BKBKK (dengan merujuk kepada laporan CHRA) di semua unit kerja di PTJ diberikan maklumat, arahan dan latihan berkenaan bahan kimia tersebut yang merangkumi: i) prosedur kerja selamat (SWP) dalam penggunaan dan pengendalian BKBKK ii) risiko kepada kesihatan hasil pendedahan kepada BKBKK tersebut, iii) sebarang langkah pencegahan yang perlu diambil sebelum, semasa dan selepas penggunaan/pengendalian BKBKK termasuk: a. kelengkapan perlindungan diri b. penggunaan *spill kit* iv) hasil/keputusan pemantauan pendedahan di tempat kerja (sekiranya dilaksanakan), dan v) hasil/keputusan program pemantauan kesihatan yang dijalankan secara kolektif (sekiranya dilaksanakan) dalam bentuk yang menghalang daripada individu khusus dikenal pasti. 4.7.2 Pastikan semua latihan yang dijalankan (merujuk kepada Perkara 4.7.1) kepada pengguna/pengendali BKBKK: i) diulang semula setiap dua (2) tahun sekali, ii) mempunyai rekod latihan yang teratur dan lengkap, serta iii) rekod tersebut diselenggara dan disimpan berdasarkan keperluan perundangan 4.7.3 Pastikan pengendali/pengguna bahan kimia yang diberikan tugasan baru atau tempat kerja baru menjalani *on-the-job training*. **(SOK/LAT/BR02/LATIHAN 06)**	Pengurus / Penyelia Unit Kerja / Pegawai Stor / PYB

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	Pergerakan Bahan Kimia Antara Unit Kerja Kimia 4.7.4 Pastikan pergerakan bahan kimia yang dibawa masuk ke dalam unit kerja untuk apa jua kegunaan oleh penyelidik atau pelajar direkodkan di dalam buku log mengandungi sekurang-kurangnya butiran berikut: i) Nama bahan kimia dan kepekatan/ kuantiti ii) Tarikh dibawa masuk iii) Nama pengguna 4.7.5 Pastikan tiada gas termampat (LPG, CO_2, H_2, N_2, dan lain-lain) berlebihan (tidak melebihi 1 tong) berada di dalam unit kerja kimia dan seharusnya dibekalkan dari luar bangunan di mana setiap unit kerja kimia mempunyai injap tutup kecemasan. (Rujuk: **Panduan Keselamatan Penggunaan Silinder Gas Termampat dan Panduan Keselamatan Pengendalian LPG).** Prosedur Kerja Selamat 4.7.5 Bangunkan Prosedur Kerja Selamat (SWP) yang khusus bagi penggunaan dan pengendalian bahan kimia di setiap unit kerja sebagai rujukan. Antara elemen dan pertimbangan yang perlu diambil kira dalam membangunkan SWP adalah: i) Perancangan kuantiti bahan kimia yang diperlukan untuk mengelakkan pembaziran, ii) Prosedur yang melibatkan penggunaan pelarut organik, bahan mudah meruap, berbau, bertoksik, berasid, atau beralkali pekat hendaklah dijalankan di dalam kebuk wasap atau dengan kehadiran sistem LEV yang berfungsi secara optimum, iii) Ruang pengendalian bahan kimia perlu mempunyai sistem pengudaraan yang baik supaya sebarang pembebasan wap / wasap / gas daripada bahan kimia tidak terperangkap di ruang kerja.	

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	iv) Keselamatan peribadi yang merangkumi perkara asas berikut: a. Pemakaian – rambut, hiasan (i.e.: cincin, rantai, gelang), pakaian (baju bersesuaian, seluar dan kasut - bertutup), b. Kelengkapan perlindungan diri bersesuaian dengan hazard (rujuk SDS dan laporan CHRA untuk keperluan khusus), c. Larangan aktiviti makan dan minum (termasuk penyediaannya) di kawasan / ruang kerja pengendalian bahan kimia, d. Larangan bekerja sendirian semasa mengendali bahan kimia atau peralatan berbahaya. NOTA: SWP mungkin berbeza bagi setiap unit kerja yang menggunakan atau mengendalikan bahan kimia yang berlainan. 4.7.6 Pastikan SWP yang telah dibangunkan dikomunikasikan kepada semua pengguna/pengendali bahan kimia di setiap unit kerja. Label dan Pelabelan Semula Bahan Kimia 4.7.7 Pastikan semua bahan kimia yang digunakan/dikendalikan di unit kerja mempunyai label yang jelas seperti berikut (contoh seperti di Gambar rajah 7): i) Nama penuh larutan bahan kimia dan kepekatan ii) Tarikh dibuat iii) Nama pengguna iv) Piktogram bahaya larutan kimia mengikut risiko kepekatan asal Kosong: Contoh:	

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	 **Gambar rajah 7: Pelabelan untuk bahan kimia di ruang unit kerja** 4.7.8 Pastikan piktogram pracetak lebihan hendaklah dilitupi dengan menggunakan warna sama seperti label atau dihitamkan keseluruhannya tanpa menunjukkan bentuk berlian. Contoh situasi diberikan dalam Gambar rajah 8. 4.7.9 Label semula bekas, jika bahan kimia dipindahkan ke suatu bekas yang lain dan disimpan dalam bekas tersebut. NOTA: Penyimpanan bahan kimia dalam bekas makanan dan minuman, seperti botol air mineral atau bekas penyimpanan makanan, adalah **DILARANG.**	
4.8	**PERALATAN KAWALAN KEJURUTERAAN DAN PENGALIH UDARA SETEMPAT** 4.8.1 Pastikan pemasangan LEV dengan cerobong mempunyai sistem kawalan pencemaran udara dan mematuhi Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih 2014). NOTA: Peralatan kawalan kejuruteraan / pengalih udaraan setempat	Pengurus / Penyelia Unit Kerja / Pegawai Stor / PYB

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	(Sistem LEV / kebuk wasap) adalah kelengkapan yang digunakan bagi mengawal pendedahan bahan kimia kepada pengendali. 4.8.2 Periksa semua peralatan kawalan kejuruteraan / pengalih udaraan setempat (Sistem LEV/kebuk wasap) dan direkodkan oleh pihak pengurusan PTJ secara berkala iaitu sekurang-kurangnya sekali sebulan. Rujuk: **SENARAI SEMAK PEMERIKSAAN BULANAN KEBUK WASAP (SOK/OSH/SS04/PKW)** 4.8.3 Pastikan semua peralatan kawalan kejuruteraan / pengalih udaraan setempat (Sistem LEV/kebuk wasap) diuji dan diperiksa oleh Orang Yang Kompeten yang berdaftar di JKKP Malaysia (*Industrial Hygiene Technician II*) setiap 12 bulan.  **Gambar rajah 8: Tindakan sekiranya ada piktogram pracetak berlebihan pada label**	
4.9	**PELAN TINDAKAN KECEMASAN**	Pengurus / Penyelia Unit Kerja

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	4.9.1 Pastikan semua unit kerja atau ruang yang menyimpan BKBKK dilengkapi dengan pelan tindakan kecemasan yang sesuai. 4.9.2 Papar nombor talian kecemasan dengan jelas di setiap unit kerja, stor atau ruang yang mempunyai BKBKK. 4.9.3 Sediakan peti pertolongan cemas di setiap unit kerja yang mengandungi BKBKK mengikut garis panduan yang ditetapkan. 4.9.4 Pastikan laluan kecemasan sentiasa berada dalam keadaan baik dan tidak terhalang di semua unit kerja atau ruang yang mempunyai BKBKK. 4.9.5 Periksa semua peralatan dan fasiliti berkaitan kecemasan dan keselamatan sekurang-kurangnya sekali dalam setahun untuk memastikan peralatan berada dalam keadaan yang baik. 4.9.6 Ikut langkah umum berikut sekiranya berlaku sebarang insiden atau kecemasan di unit kerja melibatkan BKBKK: i) Minta bantuan dan utamakan keselamatan diri, ii) Arahkan semua penghuni unit kerja berhenti menjalankan aktiviti dan keluar dengan kadar segera, iii) Laporkan kepada pasukan tindakan kecemasan ERT-PTJ, iv) Hubungi talian kecemasan UPM (APSeC/ PKU/ PPKKP), v) Laksanakan tindakan jika terlatih dan keadaan mampu dikawal. vi) Aktifkan protokol pelan pengurusan bencana PTJ (DMP-PTJ) jika keadaan tidak terkawal. vii) Pastikan semua individu dan maklumat berkaitan situasi tersedia apabila pasukan tindakan kecemasan tiba. viii) Laporkan kejadian kepada PPKKP secepat mungkin dengan merujuk kepada Prosedur Notifikasi Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Penyakit Pekerjaan dan Keracunan Pekerjaan (UPM/SOK/OSH/P004) dan Prosedur Aduan Keselamatan dan	/ Pegawai Stor/ PYB

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	Kesihatan Pekerjaan (UPM/SOK/OSH/P005). 4.9.7 Laksana tindakan bantuan awal pertolongan cemas (*First Aid*) untuk tumpahan/percikan bahan kimia: 4.13.8.6 Tenangkan diri dan kawal keadaan/situasi di unit kerja, 4.13.8.7 Pastikan keadaan/situasi kawasan unit kerja adalah selamat; sekiranya tidak selamat, rujuk Perkara 4.9.6, 4.13.8.8 Rujuk SDS BKBKK dengan kadar yang segera bagi memastikan tindakan bantuan awal pertolongan cemas yang betul, 4.13.8.9 Tanggalkan semua pakaian yang tercemar dengan kadar segera sekiranya BKBKK terpercik/tertumpah ke atas pakaian dan/atau KPD, 4.13.8.10 Bawa mangsa ke *eyewash station/emergency shower* untuk bilasan air dengan seberapa segera sekurang-kurangnya selama 15 minit sekiranya BKBKK terkena kulit atau mata selepas merujuk kepada SDS. 4.13.8.11 Jangan gunakan apa-apa krim, atau sebarang losyen untuk elakkan reaksi berbahaya dengan bahan kimia yang terdedah 4.13.8.12 Dapatkan rawatan perubatan dengan segera di fasiliti kesihatan yang terdekat. 4.13.8.13 Laporkan kejadian kepada PPKKP secepat mungkin dengan merujuk kepada Prosedur Notifikasi Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Penyakit Pekerjaan dan Keracunan Pekerjaan (UPM/SOK/OSH/P004) dan Prosedur Aduan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UPM/SOK/OSH/P005). NOTA: Terdapat sesetengah bahan kimia yang melarang pendedahan kepada air berikutan pendedahan kerana sifat fizikokimia yang	

<table>
<tr><th>BIL</th><th>TINDAKAN</th><th>TANGGUNGJAWAB</th></tr>
<tr><td></td><td>reaktif dengan air.</td><td></td></tr>
<tr><td>4.10</td><td>PENYIMPANAN DAN PENYELENGGARAAN REKOD

4.10.1 Pihak PTJ perlu memastikan tempoh penyimpanan rekod ini dipatuhi secara menyeluruh seperti berikut:

<table>
<tr><th>Bil.</th><th>Jenis Rekod</th><th>Tempoh Penyimpanan</th></tr>
<tr><td>i)</td><td>Penaksiran risiko bahan kimia berbahaya kepada kesihatan (CHRA)</td><td>30 tahun</td></tr>
<tr><td>ii)</td><td>Rekod rekabentuk dan pembinaan peralatan kawalan kejuruteraan / pengalih udaraan setempat.</td><td>Sepanjang tempoh penggunaan alat tersebut</td></tr>
<tr><td>iii)</td><td>Rekod pengukuran sistem kawalan pencemaran udara dan Rekod pemeriksaan/ pengukuran sistem kawalan dedahan bukan kimia (habuk/haba).</td><td>Sepanjang tempoh penggunaan alat tersebut</td></tr>
<tr><td>iv)</td><td>Surat kelulusan pemasangan cerobong dan sistem kawalan pencemaran udara dari Jabatan Alam Sekitar (bagi LEV/kebuk wasap)</td><td>Sepanjang tempoh penggunaan alat tersebut</td></tr>
<tr><td>v)</td><td>Rekod pemeriksaan bulanan peralatan kawalan kejuruteraan / pengalih udaraan setempat. (SOK/OSH/SS04/PKW)</td><td>5 tahun</td></tr>
<tr><td>vi)</td><td>Rekod penyelenggaraan dan baik pulih peralatan kawalan kejuruteraan / pengalih udaraan setempat.</td><td>5 tahun</td></tr>
<tr><td>vii)</td><td>Laporan pengujian peralatan kawalan kejuruteraan / pengalih udaraan setempat oleh Juruteknik Higien II.</td><td>5 tahun</td></tr>
<tr><td>viii)</td><td>Rekod pemantauan pendedahan kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan oleh Juruteknik Higien I</td><td>5 tahun</td></tr>
<tr><td>ix)</td><td>Rekod pemantauan kesihatan (medical surveillance) oleh OHD (sekiranya ada)</td><td>30 tahun</td></tr>
<tr><td>x)</td><td>Rekod pemeriksaan semua kelengkapan berkaitan pelan kecemasan.</td><td>5 tahun</td></tr>
<tr><td>xi)</td><td>Rekod serahan bekalan kelengkapan</td><td>5 tahun</td></tr>
</table>
</td><td>PYB</td></tr>
</table>

BIL	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	<table><tr><td></td><td>pelindungan diri (KPD) kepada staf</td><td></td></tr><tr><td>xii)</td><td>Daftar bahan kimia berbahaya kepada kesihatan</td><td>Rekod terkini</td></tr></table>	
4.11	**PELUPUSAN SISA BAHAN KIMIA** 4.11.1 Lupuskan sisa bahan kimia perlu mengikut keperluan perundangan berkaitan. 4.11.2 **DILARANG** membuang sisa bahan kimia ke dalam sinki/saliran/tong sampah atau dibuang ke alam sekitar tanpa melalui proses pelupusan mengikut perundangan. 4.11.3 **DILARANG** mencampur atau mengumpul sisa-sisa kimia yang tidak serasi di dalam satu bekas yang sama dan disimpan di dalam bilik stor pelupusan. Rujuk: **Prosedur Pengurusan dan Pelupusan Sisa Terjadual (UPM/SOK/OSH/P001).**	Pengurus / Penyelia Unit Kerja / Pegawai Stor / PYB

UPM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BERILMU BERBAKTI	**SOKONGAN** **KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN** **PEJABAT NAIB CANSELOR** **Kod Dokumen: SOK/OSH/BR01/JADUAL SISA**
	BORANG JADUAL PELUPUSAN SISA TERJADUAL UPM TAHUNAN

JADUAL PELUPUSAN SISA TERJADUAL UPM TAHUN : _____

1. PELUPUSAN SISA KIMIA/ SISA RACUN/ SISA MINYAK/ *e-waste*

   *(UPM KAMPUS SERDANG, SELANGOR/ PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN/ UPM KAMPUS BINTULU, SARAWAK)**

Suku Tahun & Tarikh	Tarikh Akhir Hantar Borang Permohonan Pelupusan Sisa Terjadual	Tarikh Pungutan dan Pelupusan	Masa	Tempat

2. PELUPUSAN SISA KLINIKAL

   *(UPM KAMPUS SERDANG, SELANGOR/ PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN/ UPM KAMPUS BINTULU, SARAWAK)**

Bulan	Tarikh Akhir Hantar Borang Permohonan Pelupusan Sisa Terjadual	Tarikh Pungutan dan Pelupusan	Masa	Tempat

**Potong mana tidak berkaitan*

Disediakan Oleh:

_____
Cap & Tandatangan
Ketua Seksyen Operasi dan Perkhidmatan PPKKP
Tarikh :

Disahkan Oleh:

_____
Cap & Tandatangan ~~Pengarah PPKKP (PGH)~~
Pengarah PPKKP (PGH)
Tarikh :

	SOKONGAN **KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN** **PEJABAT NAIB CANSELOR** **Kod Dokumen: SOK/OSH/BR04/UNIT**
	BORANG INVENTORI SISA TERJADUAL DI UNIT KERJA

Pusat Tanggungjawab : _____
Unit Kerja : _____
Nama Pegawai/ Pelajar : _____
No. Staf/ No. Matrik : _____
No. Tel Bimbit/ Pejabat : _____

SW	Keterangan Sisa Terjadual: _____ _____ _____

Tindakan PYB Unit Kerja					Tindakan Penyelaras Sisa / Penyelaras Sisa – ~~Bintulu~~ UPMKB / ~~PYB~~ Penyelaras *e-waste* PTJ		
Tarikh Sisa Dihasilkan	**Nama Pengeluar Buangan**	**Perihal Kandungan Bahan Kimia Berbahaya ~~Punca Aktiviti Pengajaran/ Penyelidikan/ Perkhidmatan/ Umum (nama amali/projek/progam)~~**	**Bil. Unit Pembungkusan (Botol / ~~Bekas/~~ Beg / Guni / Kotak/ Tong)**	**Sila Nyatakan Jumlah Kuantiti (~~*~~Liter/ Kg)**	**Tarikh**		**Tandatangan & ~~Nama Penerima~~**
					Hantar ke Stor PTJ	**Pelupusan Sukuan / Bulan**	

NO. SEMAKAN :- ~~05~~ 06
NO. ISU : 02
TARIKH KUATKUASA : ~~24/12/2024~~ 28/02/2025

_____ , _____ , _____
(Tahun) *(Bulan)* *(m/s)*

Tindakan PYB Unit Kerja					Tindakan Penyelaras Sisa / Penyelaras Sisa – ~~Bintulu~~ UPMKB / ~~PYB~~ Penyelaras *e-waste* PTJ		
Tarikh Sisa Dihasilkan	Nama Pengeluar Buangan	Perihal Kandungan Bahan Kimia Berbahaya ~~Punca Aktiviti Pengajaran/ Penyelidikan/ Perkhidmatan/ Umum (nama amali/projek/progam)~~	Bil. Unit Pembungkusan (Botol / ~~Bekas/~~ Beg / Guni / Kotak/ Tong)	Sila Nyatakan Jumlah Kuantiti (~~*~~Liter/ Kg)	Tarikh		Tandatangan ~~& Nama Penerima~~
					Hantar ke Stor PTJ	Pelupusan Sukuan / Bulan	
		Jumlah					
		Jumlah yang dibawa dari muka surat sebelum ini					
		Jumlah					

~~*Wajib diisi~~

NO. SEMAKAN :- ~~05~~ 06
NO. ISU : 02
TARIKH KUATKUASA : ~~24/12/2024~~ 28/02/2025

_____ , _____ , _____
(Tahun) *(Bulan)* *(m/s)*

	SOKONGAN **KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN** **PEJABAT NAIB CANSELOR** **Kod Dokumen: SOK/OSH/BR05/STOR**
	BORANG INVENTORI SISA TERJADUAL DI STOR

SSTP/PPST/PTJ		**SW**	Keterangan Sisa Terjadual : --- --- --- ---
Inventori Tahun			
*Penyelaras Sisa / *Penyelaras Sisa – UPMKB / *~~PYB~~ Penyelaras *e-waste* PTJ			
No. Tel Bimbit/ Pejabat		---	

* *Potong yang tidak berkaitan*

* *SSTP: Stor Sisa Terjadual PTJ / PPST: Pusat Pengumpulan Sisa Terjadual / UPMKB: Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu / SW: Schedule Waste*

Tindakan Penyelaras Sisa/ Penyelaras Sisa – UPMKB /Penyelaras *e-waste* PTJ					**Tindakan PYB Unit Kerja**
Tarikh Terima di Stor PTJ	**Unit Kerja**	**~~Kuantiti~~**		**Tarikh Pelupusan Sukuan/ Bulan**	**Tandatangan & Nama Penghantar**
		Bil. Unit Pembungkusan (Botol / ~~Bekas/~~ Beg / Guni / Kotak/ Tong)	**Sila Nyatakan Jumlah Kuantiti (~~*~~Liter/ Kg)**		
	Jumlah				

NO. SEMAKAN : ~~05~~ 06
NO. ISU : 02
TARIKH KUATKUASA : ~~24/12/2024~~ 28/02/2025

_____ , _____ , _____
(Tahun) *(Bulan)* *(m/s)*

Tindakan Penyelaras Sisa/ Penyelaras Sisa – UPMKB /Penyelaras *e-waste* PTJ					Tindakan PYB Unit Kerja
Tarikh Terima di Stor PTJ	**Unit Kerja**	~~**Kuantiti**~~		**Tarikh Pelupusan Sukuan/ Bulan**	**Tandatangan & Nama Penghantar**
		Bil. Unit Pembungkusan (Botol / ~~Bekas/~~ Beg / Guni / Kotak/ Tong)	**Sila Nyatakan Jumlah Kuantiti (~~*~~Liter/ Kg)**		
Jumlah yang dibawa dari muka surat sebelum ini					
	Jumlah				

NO. SEMAKAN : ~~05~~ 06
NO. ISU : 02
TARIKH KUATKUASA : ~~24/12/2024~~ 28/02/2025

_____ , _____ , _____
(Tahun) *(Bulan)* *(m/s)*

	SOKONGAN **PENGURUSAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN** **PEJABAT NAIB CANSELOR** **Kod Dokumen: SOK/OSH/BR06 MOHON**
	BORANG PERMOHONAN PELUPUSAN SISA TERJADUAL

MAKLUMAT PERMOHONAN			
Nama SSTP/PPST/PTJ			
Nama Pemohon (Penyelaras Sisa/ Penyelaras Sisa-UPMKB/ Penyelaras *e-waste PTJ*)		No. Telefon	

Jenis Pelupusan **Sila tandakan √ pada kotak yang berkenaan*	☐ Sisa Kimia/ Sisa Racun/ Sisa Minyak ☐ *e-waste*	Sukuan:	☐ 1/_____ ☐ 3/_____ ☐ 2/_____ ☐ 4/_____
	☐ Sisa Klinikal	Bulan ~~& Tarikh~~: _____	

Bil	Kod Sisa Terjadual (SW)	~~Kuantiti~~		Catatan
		Bil. Unit Pembungkusan (Botol~~/Bekas/Unit/~~ / Beg / Guni / Kotak/ Tong)	Sila nyatakan jumlah kuantiti (Liter/Kg)~~/ Unit~~	

TANDATANGAN PEMOHON (PTJ)	**UNTUK KEGUNAAN PEJABAT *(PPKKP/ UPMKB/ ~~HPUPM~~ HSAAS)**
Penyelaras Sisa / Penyelaras Sisa-~~Bintulu~~ UPMKB/ ~~PYB~~ Penyelaras *e-waste PTJ* _____ Tandatangan & Nama/Cap Tarikh:	**PENGESAHAN PUNGUTAN:** Dengan ini saya mengesahkan sisa terjadual telah dipungut dengan kuantiti yang tersebut di atas. _____ _____ (PPKKP/ UPMKB/ ~~HPUPM~~ HSAAS) (KONTRAKTOR)* Tarikh: Tarikh: ** Tidak berkenaan untuk kontraktor bagi kod sisa SW404*
PENGESAHAN KETUA PTJ / WAKIL PTJ	**PENGESAHAN PEMBUNGKUSAN DAN PELUPUSAN :**
_____ Tandatangan & Nama/Cap Tarikh:	
